



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Jumaat, Oktober 28, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Cipta inovasi racun bunuh siput gondang, selamatkan tanaman padi

Oleh Azman Zakaria  
Foto oleh Noor Azreen Awang



**SERDANG, 17 Okt** - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta racun teknologi hijau, *Nano-Emulsion Formulation of Saponin* iaitu produk racun mesra alam bagi menghapuskan siput gondang (Apple Snail) yang menjadi haiwan perosak terutamanya bagi tanaman padi.

*Nano-Emulsion Formulation of Saponin* adalah racun botani teknologi hijau yang tidak mencemarkan alam ketika digunakan untuk menghapuskan siput gondang atau nama saintifiknya *Pomacea spp* yang menyerang tanaman padi yang menyebabkan pengeluaran hasil padi terjejas.

Kumpulan penyelidik dari Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, yang diketuai Prof Dr. Rita Muhamad Awang berkata racun itu dihasilkan menggunakan saponin sebagai bahan aktif utama yang diekstrak dari tumbuhan *Furcraea selloa*.

"Ia dicipta menggunakan 10 peratus w/w (weight per weight) berat bahan aktif berasaskan tumbuhan (saponin) dan 90 peratus w/w bahan lengai berasaskan sayuran yang efektif untuk mengawal siput gondang," katanya pada sidang media di sini.

Menurutnya antara kelebihan inovasi ini ialah ia mudah diurai menjadi bahan tidak berbahaya dan saponin tidak kekal di dalam persekitaran, memiliki ciri-ciri menghalang pemakanan, berkesan sebagai racun siput botanikal, dan merupakan teknologi hijau.

Katanya, ia adalah satu daripada projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Penyelidikan bermula pada 2012 dan produk dipaten pada 2015.



Beliau berkata, ia adalah satu daripada lapan produk yang akan dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pada majlis "Pelancaran Produk dan Pemindahan Teknologi bagi Peningkatan Hasil Tanaman Padi UPM" di Jerneh, Terengganu pada 30 Oktober ini.

Prof Dr. Rita berkata siput gondang adalah serangga perosak yang menyerang pada 28 hari pertama selepas padi disemai. Selepas hari ke-28, ia tidak merosakkan padi.

Katanya, produk itu yang dihasilkan dalam bentuk cecair perlu disemur di kawasan sawah kira-kira seminggu sebelum padi ditanam bagi membunuh siput gondang. Untuk kawasan sawah seluas sehektar, sebanyak 1.8 liter *Nano-Emulsion Formulation of Saponin* diperlukan.

"Siput godang sukar untuk mati, oleh itu pencegahan awal mengikut jadual dalam penggunaan *Nano-Emulsion Formulation of Saponin* adalah penting," katanya.

Menurutnya inovasi itu boleh mengurangkan penggunaan racun serangga yang mengandungi bahan kimia terhadap tanaman terutamanya padi. - UPM